

## PM hadir Permukiman Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan



PERDANA Menteri hadir dalam Permukiman Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan di ibu negara semalam, susulan permukiman Jemaah Menteri pada Januari lalu. Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau meletakkan harapan tinggi ke atas keseluruhan jentera perkhidmatan awam yang diterajui Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dalam memacu perubahan. "Sinergi anggota pentadbiran yakni Jemaah Menteri dan perkhidmatan awam dalam menelusuri agenda dan program keutamaan rakyat amat penting dalam memastikan kejayaan Ekonomi MADANI yang dilaksanakan kerajaan," katanya di media sosial. Hadir sama Shamsul Azri dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz. (Foto FB Anwar Ibrahim)